

22 OCT 2003

Mahathir-pusat/I

M'SIA SEDIA JADI PUSAT PAKAR SERANTAU

Oleh: Openg Onn

JOGJAKARTA, 22 Okt (Bernama) -- Malaysia sedia menjadi pusat untuk mengumpul sumber profesional di rantau ini dan mewujudkan satu daftar pakar dan kemahiran mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pusat itu akan memudahkan pertukaran idea dan membuka ruang untuk pergerakan professional dari dalam dan luar rantau ini.

"Para profesional ini perlu tahu tentang perkembangan terbaru dan bersedia untuknya," katanya semasa berucap selepas menerima Anugerah Fellow Kehormat Persekutuan Pertubuhan-pertubuhan Kejuruteraan Asean (AFEO) di sini hari ini.

Anugerah berprestij itu, yang diberikan sempena persidangan tahunan ke-21 AFEO yang sedang berlangsung di sini, diberikan kepada Perdana Menteri bagi menghargai jasa beliau kepada kemajuan profesion itu di rantau ini.

Dr Mahathir berkata dengan meluasnya liberalisi dan perdagangan bebas, mereka yang di dalam profesion itu mungkin mendapati mereka diarah oleh pihak lain dari luar rantau ini, dan segala peluang pekerjaan direbut oleh orang lain sambil meninggalkan hanya yang saki baki kepada mereka.

"Bukannya jurutera dari Asean kurang upaya atau tak mampu mengendalikan sesuatu tugas, tetapi kekuatan secara bersepadu ini tidak digembleng demi kebaikan bersama profesion ini di rantau ini," katanya.

Dr Mahathir berkata antara halangan yang perlu diatasi ialah takuk pemikiran, kerana, daripada bersaing sesama sendiri di rantau ini, mereka seharusnya berganding tenaga serta kepakaran dan mengendalikan kerja yang dijalankan oleh rakan sejawatan mereka dari Amerika Syarikat dan Eropah.

Dengan berganding tenaga, mereka akan mendapat kerja dan projek lebih besar, baik di negara sendiri atau di dalam rantau ini mahupun di luar rantau ini, katanya kepada 600 orang anggota perwakilan dari negara-negara Asean serta pemerhati dari Jepun dan Kanada.

Dr Mahathir menasihatkan para jurutera itu supaya tidak menjadikan rintangan dan gangguan sebagai halangan tetapi melihatnya sebagai satu cabaran dan mencari jalan mengatasinya dan untuk melangkah ke hadapan.

"Perlu ada penyelesaian yang memberi manfaat kepada negara-negara di rantau ini untuk kebaikan anggota-anggota Asean yang kurang maju," katanya.

Perdana Menteri berkata tahap kemampuan dan standard rantau ini perlu dipertingkatkan untuk kepentingan bersama.

"Negara-negara anggota yang lebih maju perlu menggunakan program tertentu untuk menawarkan pemindahan kepakaran dan teknologi kepada anggota yang kurang maju dalam usaha untuk membantu memakmurkan jiran kita," katanya.

Dr Mahathir juga mencadangkan program sandaran untuk jurutera-jurutera di rantau ini bagi membolehkan kemahiran mereka dipadankan selain mengenal pasti kemahiran yang diperlukan di rantau ini daripada mendapatkannya dari luar.

"Begitu juga, latihan lanjutan bagi jurutera perlu diseragamkan untuk menjamin keperluan tertentu dapat dipenuhi," katanya.

Dr Mahathir berkata jurutera-jurutera Asean yang terlatih lambat laun akan menjadi matang sehingga dapat mengetuai industri serta menjadi pemimpin institusi dan syarikat yang dapat menjana kekayaan.

Beliau juga mengimbas kembali penubuhan Asean pada 8 Ogos 1967, dengan berkata bahawa ia menunjukkan keazaman bersama negara-negara rantau ini

untuk menjalin tali persaudaraan dan kerjasama, dan menerusi usaha bersama dan pengorbanan, memastikan penduduk rantau ini menikmati keamanan, kebebasan dan kemakmuran.

Dengan hanya lima anggota asalnya termasuk Malaysia, jumlah perdagangan sesama Asean hanya meliputi antara 12 dan 15 peratus daripada jumlah dagangan negara-negara anggota.

"Namun, hari ini, kita mempunyai 10 anggota dengan bilangan penduduk 500 juta orang, keluasan 4.5 juta km persegi, Keluaran Dalam Negara Kasar berjumlah US\$737 bilion, dan dagangan berjumlah US\$720 bilion," katanya.

Dr Mahathir berkata selain liberalisasi perdagangan dan pelaburan, penyatuan ekonomi serantau juga dilaksanakan menerusi kemajuan dalam rangkaian pengangkutan antara Asean meliputi lebuh raya dan landasan kereta api, pelabuhan dan laluan maritim, pengangkutan air dalaman dan hubungan udara awam yang utama.

ASEAN juga sedang menggalakkan penggunaan peralatan dan perkhidmatan telekomunikasi yang berhubung kait manakala rangkaian tenaga trans-Asean yang meliputi grid tenaga Asean dan projek paip gas trans-Asean, juga sedang dimajukan.

Dr Mahathir berkata semua projek ini memerlukan input kejuruteraan yang canggih dan beliau gembira kerana Asean kini mempunyai 500,000 jurutera dalam pelbagai disiplin untuk membantu memajukan kumpulan serantau itu.

Perdana Menteri kemudian berlepas ke Dili, ibu negara Timor Leste, untuk lawatan sehari ke bekas wilayah Indonesia itu.

-- BERNAMA

OPP KHY MAI